

### **KEMPEN KAD KREDIT-i BANK ISLAM MASTERCARD “TRIP TO UEFA” 2023**

*Kempen berlangsung dari 1 hingga 30 April 2023*

**KUALA LUMPUR, Ahad, [9 April 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) menawarkan peluang sekali seumur hidup kepada pemegang Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard untuk menyaksikan perlawanan akhir Liga Juara-juara UEFA di Türkiye menerusi penganjuran kempen “Trip to UEFA 2023”.

Pelanggan boleh menyertai kempen ini apabila mereka berbelanja menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard sepanjang tempoh kempen. Pelanggan layak menerima satu (1) unit kelayakan untuk setiap pembelian runcit atau dalam talian yang bernilai RM100 dan dua (2) unit kelayakan untuk setiap RM100 yang dibelanjakan di luar negara. Sebagai tambahan, pelanggan baharu yang memohon dan mengaktifkan kad kredit-i Bank Islam Mastercard dalam tempoh kempen ini layak mendapat tiga (3) unit kelayakan.

Hadiyah Utama Kempen kad kredit-i Bank Islam Mastercard “Trip to UEFA” 2023 ini terdiri daripada dua (2) tiket ke perlawanan akhir Liga Juara-juara UEFA, dua (2) tiket penerbangan pergi-balik ke Türkiye, penginapan mewah selama 4 hari 3 malam dan elauan bernilai USD250. Sementara itu, hadiah sagu hati termasuk barang ekslusif bertemakan UEFA, mata ganjaran TruPoints sehingga 30,000 dan baucar Adidas.

Pada pelancaran kempen tersebut, Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Runcit, Bank Islam, Mizan Masram menyatakan bahawa penganjuran kempen ini bertujuan untuk menghargai sokongan dan kesetiaan pelanggan Bank Islam terhadap produk dan perkhidmatannya selama ini.

“Kaedah pembayaran tanpa tunai kini menjadi pilihan pelanggan kerana transaksi yang lebih mudah, cepat dan selamat. Penganjuran kempen ini akan menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai, sekali gus memacu penerimaan pembayaran digital. Ia akan turut menyokong aspirasi Negara ke arah pembentukan masyarakat tanpa tunai,” beliau menambah.

“Justeru, kami ingin menawarkan hadiah-hadiah menarik kepada pelanggan setiap kali mereka berbelanja menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard. Lebih banyak bayaran menggunakan kad ini, peluang untuk memenangi hadiah akan lebih tinggi. Para pemenang kempen akan diumumkan dalam bulan Mei 2023.”

Mizan turut memaklumkan, Bank Islam akan terus menganjurkan pelbagai kempen menarik dan relevan untuk manfaat pelanggan setia.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard "Trip to UEFA 2023", pelanggan boleh melayari [www.bankislam.com/ucl23](http://www.bankislam.com/ucl23)



**Gambar 1**

**Kapsyen:** Mizan Masran (tengah), Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Runcit, Bank Islam di majlis pelancaran kempen Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard "Trip to UEFA 2023" di Menara Bank Islam baru-baru ini. Turut hadir, Beena Pothen (dua dari kiri), Pengurus Negara, Mastercard Malaysia & Brunei; Devesh Kuwadekar (dua dari kiri), Naib Presiden Pengurusan Akaun Mastercard; Amir Mutalib (kiri), Pengarah Pengurusan Akaun Mastercard dan Ahdan Shariff Muhammad, Ketua Perniagaan Kad Bank Islam.



**Gambar 2**

**Kapsyen:** Mizan Masran (kiri), Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Runcit, Bank Islam bersama Beena Pothen, Pengurus Negara, Mastercard Malaysia & Brunei bergambar bersama pada pelancaran kempen kredit-i Bank Islam Mastercard “Trip to UEFA 2023” di Menara Bank Islam baru-baru ini.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)]**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)